

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1196235/padu-tidak-tertakluk-kepada-akta-perlindungan-data-peribadi-2010>

### PADU tidak tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 – Rafizi



Rafizi menunjukkan kad "Near Field Communication" (NFC) Touch 'n Go PADU selepas sidang media berhubung Pangkalan Data Utama (PADU) di Menara Prisma, Putrajaya.- Foto NSTP/Eizari Shamsudin

PUTRAJAYA: Pangkalan Data Utama (PADU) tidak tertakluk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) memandangkan semua data yang dikumpulkan dikawal selia oleh kementerian dan agensi berkaitan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata setiap kementerian dan agensi kerajaan yang memiliki data Rakyat sudah tertakluk kepada akta masing-masing.

"Tidak perlu tertakluk kepada PDPA kerana PADU adalah pusat pengumpulan pangkalan data kerajaan, selain kementerian dan agensi awam juga tidak tertakluk kepada akta perlindungan berkenaan.

"PADU adalah sebahagian usaha kerajaan mengintegrasikan semua data. Jika data daripada kementerian dan agensi kerajaan tertakluk kepada PDPA, kerajaan berdepan banyak halangan untuk melaksanakan pelbagai sokongan dan bantuan kepada rakyat.

"Jika PDPA dipanjangkan ke agensi awam, kerajaan tidak boleh teruskan apa-apa proses yang membabitkan rakyat, maka semua agensi (kerajaan) sekarang kena tutup. Sebab itu PDPA tidak meliputi agensi awam. PDPA hanya tertakluk untuk pihak swasta sahaja," katanya pada sidang media PADU di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, bagi memastikan setiap halangan dan birokasi di atas, Akta Omnibus akan diwujudkan bagi membolehkan perkongsian data dilakukan dengan lebih lancar.

Katanya, Akta Omnibus yang membolehkan perkongsian data dari setiap kementerian dan agensi dikongsi dengan tiada keperluan lagi untuk melalui perjanjian tertentu.

"Akta Omnibus akan dibentang dan diluluskan pada suku kedua atau ketiga tahun ini. Justeru, tidak perlu lagi perjanjian perkongsian data yang perlu dimeterai antara PADU dan kementerian serta agensi kerajaan lain," katanya.

Menyentuh isu keselamatan, beliau menegaskan, PADU melalui pelbagai proses dan prosedur operasi standard (SOP) sebelum pasukan pakar berkemahiran meluluskan peluncurannya Selasa lalu.

"Siber Sekuriti bekerja keras untuk memastikan ancaman keselamatan siber dapat ditangani.

"Pasukan pakar berkemahiran PADU akan pastikan keterjaminan data rakyat," katanya.

Rafizi berkata, setakat 4 petang tadi, seramai 516,168 pengguna berdaftar dengan PADU dan daripada jumlah itu, seramai 261,158 pengguna telah selesai dengan proses e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital), dengan Selangor menjadi negeri yang tertinggi jumlah pendaftaran.

"Antara masalah dihadapi pengguna yang telah dikenalpasti pada masa ini lebih melibatkan isu user familiarity with the system seperti mengisi data, kamera tidak berfungsi, cache tidak dikosongkan dan sebagainya," katanya sambil memberi jaminan perkara itu akan terus ditangani menerusi hotline dan saluran-saluran lain yang akan dibuka kelak.

"Kami akan terus memberi tumpuan kepada kawasan yang dikenal pasti kurang pola pendaftaran dalam PADU, seperti kawasan luar bandar dan golongan kurang celik digital, bagi memastikan isu keciciran subsidi dapat ditangani," katanya.